



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	9/4/2021	MUKA SURAT	:	31
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Kawal pembalakan dekat kolam tadahan

Oleh **ZAID MOHD. NOOR**
zaid.noor@mediamulla.com.my

ALOR SETAR: Kegiatan pembalakan di kawasan berdekatan kolam tadahan air bukit dipercayai menjadi punca penduduk di beberapa kampung di daerah ini menerima bekalan air yang keruh pada musim hujan.

Sehubungan itu, kerajaan negeri perlu memastikan kegiatan pembalakan di kawasan terlibat mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk mengelakkan air bercampur selut mengalir ke kolam tadahan air bukit tersebut.

Dalam kalangan penduduk tempatan, bekalan air bukit itu lebih dikenali sebagai air masyarakat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Bahagian Parti Bumiputera Perkas Malaysia (Putra) Baling, Syed Hairoul Faizey Syed Ali berkata, masalah air keruh dan berselut yang diterima oleh penduduk di daerah ini selepas hujan lebat semakin serius sejak kebelakangan.

Menurutnya, keadaan tersebut menimbulkan kesulitan kepada penduduk yang menggunakan bekalan air masyarakat itu untuk kegunaan harian mereka.

"Saya akui kejadian air keruh telah lama berlaku terutamanya selepas hujan tetapi tidak serius seperti sekarang.

"Bekalan air masyarakat yang diterima penduduk sekarang dah jadi macam teh tarik," katanya di sini semalam.

Utusan Malaysia difahamkan kira-kira sembilan kolam tadahan air bukit untuk membekalkan air kepada lebih



RUBIAH Talib menunjukkan air paip yang keruh dan berselut di rumahnya di Kampung Tanjung Pari, Baling, baru-baru ini.

10,000 penduduk dibina di daerah ini.

Sehubungan itu, Syed Hairoul menambah, kerajaan perlu memastikan kegiatan pembalakan yang didakwa diluluskan oleh kerajaan negeri sebelum ini tidak menjejaskan kualiti air dalam kolam tadahan tersebut.

"Pembalakan yang dijalankan di kawasan terlibat dipercayai mendapat kelulusan daripada kerajaan terdahulu.

"Namun, kerajaan negeri

sekarang perlu mengambil tanggungjawab dalam menangani isu penduduk mendapat bekalan air masyarakat yang keruh," ujarnya.

Utusan Malaysia semalam melaporkan kerajaan negeri menyediakan peruntukan maksimum RM200,000 bagi memperbaiki sistem saluran paip dari kolam tadahan air bukit di setiap kampung yang mempunyai kemudahan tersebut di daerah Sik dan Baling.